



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

DIBACAKAN OLEH

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA
LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**

26 JULAI 2024 (JUMAAT)

HOTEL HILTON, KUCHING, SARAWAK

Terima kasih saudara pengacara majlis

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Sarawakku Sayang dan
Salam Sarawak Maju Makmur.

Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan

Timbalan Premier Sarawak, merangkap
Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II dan
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Pelaburan

Yang Berbahagia Datuk Dr Ching Thoo A/L Kim

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Yang Berbahagia Datu Haji Abdullah bin Julaihi

Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak

Yang Berbahagia Dato' Haji Zahari Bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kabinet Negeri Sarawak

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Dif-dif jemputan

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas kesudian menjadi tuan rumah bagi sambutan pada tahun ini. Saya juga berbesar hati atas kesudian Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak kerana sudi meluangkan masa untuk menyempurnakan perasmian sambutan sebentar lagi. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat dalam majlis ini menzahirkan keprihatinan dan komitmen

Kerajaan Negeri terhadap masa depan sektor perhutanan khususnya dalam usaha ke arah memelihara dan memulihara khazanah hutan paya laut di negara ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih atas kehadiran dan sokongan semua pihak yang hadir bagi memeriahkan lagi majlis sambutan pada hari ini. Saya percaya kerjasama dan kesefahaman yang sedia terjalin antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan melalui penganjuran sambutan peringkat kebangsaan pada tahun ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui aktiviti berteraskan perhutanan.
3. Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa atau *International Day for Conservation of Mangrove Ecosystem* disambut pada 26 Julai setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut termasuk kawasan pesisir pantai demi memastikan kelangsungan peranan dan sumbangannya kepada alam sekitar dan masyarakat sejagat.
4. Tema sambutan bagi tahun ini ialah **“Hargailah Hutan Paya Laut”** atau **“Treasure the Mangroves”** bertujuan menyemarak dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat supaya mencintai hutan paya laut dan menghargai kepentingan serta sumbangannya kepada pembangunan dan kestabilan alam sekitar. Pemilihan tema ini bertepatan dan selari dengan konsep Malaysia Madani. Tiga daripada enam tonggak dasar Malaysia Madani, iaitu kemampunan, kesejahteraan dan ihsan dilihat begitu sinonim dengan alam sekitar.

5. Menerusi konsep kemampanan, sesuatu aktiviti pembangunan fizikal yang hendak dilaksanakan perlulah diteliti dengan sebaik-baiknya agar menepati konsep pembangunan lestari yang telah digariskan oleh pihak berwajib. Hal ini penting agar setiap pembangunan yang hendak dilaksanakan tidak mengabaikan kepentingan alam sekitar dan ekosistem serta dalam masa yang sama memastikan kesejahteraan hidup manusia sejagat tidak tergugat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Malaysia akan terus komited dalam memelihara dan memulihara kawasan berhutan yang masih terdapat di seluruh negara serta **beriltizam untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan** selaras dengan komitmen negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992. Pada masa ini, keluasan kawasan berhutan negara ialah 18 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara dan Wilayah Sarawak menyumbang 7.67 juta hektar atau 42.51 peratus daripada keluasan kawasan berhutan negara.

7. Kerajaan Persekutuan melalui PLANMalaysia juga telah menyediakan Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara Ke-2 (RFZPPN-2). Penyediaan RFZPPN-2 telah mengambil kira keperluan dan kepentingan untuk memelihara dan memulihara kawasan yang mempunyai biodiversiti tinggi seperti hutan paya laut dan dataran rumput laut di sepanjang pesisiran pantai negara dengan menekankan kepada pengekalan kelestarian alam sekitar.

8. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) akan terus bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan semua pihak bagi memastikan litupan kawasan berhutan negara yang turut meliputi kawasan hutan paya laut dapat dikekalkan dan diurus secara lestari bagi memenuhi komitmen antarabangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Peristiwa tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004 telah memberi kesan terhadap ekosistem, kesejahteraan ekonomi dan sosial penduduk sekitar pesisir pantai negara. Lanjutan daripada itu, Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara telah diperkenal dan dilancarkan secara rasmi pada 2 Februari 2007 di Pulau Sayak, Kedah. Pelaksanaan program ini memfokuskan kepada aktiviti penanaman pokok di kawasan pesisir pantai negara dan hutan paya laut yang berisiko berlakunya bencana alam dan terdedah dengan hakisan. Sehingga kini, seluas 3,461.64 hektar kawasan pesisir pantai di seluruh negara telah ditanam dengan sejumlah **7.95 juta pokok** di bawah program ini.

10. Setelah hampir 20 tahun pelaksanaan program ini, sejumlah **RM70.1 juta (dari 2006 hingga 2024)** telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi program ini melibatkan aktiviti penanaman dan penyelenggaraan tanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pemantauan dan program pengembangan serta kesedaran awam. Melalui program ini, sejumlah **RM7.41 juta** telah disalurkan kepada Jabatan Hutan Sarawak. Pelbagai impak positif telah dicapai, terutamanya daripada aspek pembangunan ekonomi, sosial dan kelestarian alam hasil daripada sokongan dan

kerjasama pelbagai pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institut pengajian tinggi awam dan swasta, komuniti dan masyarakat setempat.

11. Selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, pendekatan berteknologi tinggi terus diteroka dan diaplikasikan dalam pengurusan hutan paya laut di negara ini. Laman sesawang Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara telah dibangunkan sebagai platform informasi berkaitan dengan hutan paya laut dan pesisiran pantai di Malaysia. Selain itu, Sistem Pemantauan Kawasan Pesisiran Pantai (e-Pesisir) juga turut dibangunkan sebagai pusat pangkalan data yang merekod, menyimpan dan menyediakan maklumat bersepadu termasuk imej satelit beresolusi tinggi dan terkini bagi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan paya laut dan pesisiran pantai negara. Penggunaan teknologi seperti *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) dan Sistem Maklumat Geografik atau GIS turut diperluas dalam pengurusan dan pemantauan kawasan hutan paya laut dan pesisiran pantai.

12. Inovasi baharu dalam pencegahan hakisan dan pemuliharaan kawasan hutan paya laut turut diperkenalkan. Antara inovasi yang telah dilaksanakan ialah pembinaan *wave attenuator* di Sungai Kilim, Langkawi, Kedah dan struktur pemecah ombak di Tanjung Piai, Johor. Selain itu, kaedah tapak semai terapung juga dilaksanakan di kawasan yang mempunyai kejadian air pasang surut yang tidak menentu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sehingga 26 Julai 2024, Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah merekodkan penanaman sebanyak **91.34 juta pokok** merangkumi **1,849 spesies pokok** di seluruh negara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana telah berjaya melakar pencapaian membanggakan di bawah program ini dengan merekodkan penanaman melebihi 35 juta pokok sebagaimana yang disasarkan, iaitu pencapaian setahun lebih awal sebelum kempen ini tamat pada tahun 2025. Kejayaan ini sewajarnya menjadi pemangkin dan dicontohi oleh negeri-negeri lain dan NRES akan terus memberi galakan kepada mana-mana pihak yang berminat dalam menjayakan Agenda Penghijauan Malaysia.

14. Kerajaan Persekutuan melalui NRES menyediakan insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) sejak tahun 2019. Insentif ini diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang menjalankan usaha melindungi kawasan hutan tадahan air dan kawasan perlindungan sedia ada serta menambah kawasan perlindungan dan hutan simpanan kekal (HSK) yang baharu.

15. Bagi tempoh 2019 hingga 2024, peruntukan EFT adalah berjumlah RM550 juta. Sejak EFT diperkenalkan, Sarawak telah menerima peruntukan EFT sebanyak RM55.4 juta. Saya amat berharap supaya peruntukan EFT ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi melaksanakan program atau aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan termasuk pewartaan kawasan baharu hutan paya laut di peringkat negeri.

16. Selain daripada insentif kewangan EFT, Kementerian telah memperkenalkan Kerangka Kewangan REDD Plus (*REDD Plus Finance Framework – RFF*) bagi meningkatkan kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan negeri dalam menyalurkan dana kepada aktiviti pemeliharaan dan pengurusan hutan. Melalui RFF, dua cadangan instrumen, iaitu Sijil Konservasi Hutan (*Forest Conservation Certificate - FCC*) dan Offset Karbon Hutan (*Forest Carbon Offset - FCO*) dibangunkan oleh Malaysia Forest Fund (MFF) dan pada bulan Mei yang lepas, instrumen FCC telah dilancarkan semasa penganjuran *Global Forum on Islamic Finance and Economics (GFIEF)*.

17. Sebagai tambahan untuk menyokong usaha dan hasrat kerajaan negeri yang ingin terlibat dalam aktiviti projek karbon hutan, Kerajaan Persekutuan melalui Belanjawan 2024 telah bersetuju menyediakan Dana Pembangunan Projek Karbon Hutan. Selain itu, sesi libat urus berkenaan Rang Undang Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) dan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) bersama Kerajaan Negeri sedang giat dilaksanakan. Sesi ini diadakan bagi membincangkan dan memperincikan perkara berkaitan RUUPIN dan DPKK serta mendapatkan input dan memahami kepentingan dan keutamaan dari perspektif Kerajaan Negeri di dalam pembangunan RUUPIN dan DPKK.

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Tahniah saya ucapkan atas penganjuran Seminar Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut 2024 yang dilaksanakan dengan jayanya pada 25 Julai 2024. Seminar ini telah dirangka sebagai program sampingan bersempena majlis sambutan yang diadakan pada hari ini. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 16 kertas kerja dan 22 poster teknikal

telah dibentangkan semasa seminar tersebut. Saya berharap hasil daripada dapatan seminar itu dapat diaplikasikan dalam menambah baik amalan pengurusan hutan terutamanya di kawasan hutan paya laut di Malaysia dan seterusnya dapat memberi manfaat yang dapat digunakan untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

19. Pada hemat saya, sumber kekayaan baharu dari hutan paya laut perlu diteroka dan dimanfaatkan, terutamanya dalam aspek ekopelancongan, biodiversiti serta potensi ekosistem karbon biru (*blue carbon*). Ruang masih terbuka luas untuk kita meneroka dan memanfaatkan sumber hutan yang tidak ternilai ini secara lestari yang dilihat akan dapat membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.

20. Bersempena majlis sambutan pada tahun ini, buku *Status of Mangroves in Malaysia* yang memaparkan informasi terkini mengenai hutan paya laut di seluruh negara akan dilancarkan. Buku tersebut merupakan kesinambungan daripada buku *Status of Mangroves in Malaysia* yang diterbitkan sebelum ini oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada tahun 2020.

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sokongan serta komitmen padu yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sarawak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penganjuran seminar dan majlis

sambutan pada tahun ini.

22. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024. Semoga sambutan yang diadakan pada hari ini akan dapat meningkatkan semangat kita untuk terus bersama-sama menggembungkan tenaga dalam usaha melindungi dan menghargai ekosistem hutan paya laut di negara ini.

Sekian, terima kasih.